

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]**

**TARIKH : 5 APRIL 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 19**

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian di dalam menangani masalah liputan telefon selular khususnya Celcom di Daerah Pitas yang sering terganggu dan sukar mendapat liputan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan kemudahan liputan telefon selular dan Internet di negeri Sabah terutamanya di kawasan luar bandar, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif baharu seperti berikut :

1. Membina baharu menara komunikasi iaitu di samping 212 buah menara komunikasi yang telah siap dan telah beroperasi, terdapat

## SOALAN NO: 19

79 buah menara yang masih dalam peringkat pelaksanaan di negeri Sabah;

2. Peluasan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi fasa 2 (*High Speed Broadband*-HSBB2) dan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub-urban Broadband* – SUBB). Melalui kedua-dua projek ini, sebanyak 31 ibu sawat akan dinaik taraf untuk penyediaan 60,000 sambungan port;
3. Pembinaan sistem kabel dasar laut yang menghubungkan Sabah dan Semenanjung Malaysia yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2017; dan
4. Melaksanakan projek Menaik taraf Liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G di bawah program Peluasan Liputan Perkhidmatan Selular yang melibatkan sebanyak 447 lokasi di negeri Sabah.

Berkaitan masalah liputan telefon selular melibatkan penyedia perkhidmatan Celcom di Daerah Pitas, pada masa ini Celcom telah menyediakan liputan 3G di kawasan tersebut dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan akan dilaksanakan secara berterusan di seluruh daerah Kudat.